

PEMBERSIHAN TANGAN - PENILAIAN KEFAHAMAN

PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN INFEKSI
MODUL 1

1

ARAHAN:

- Selepas melalui *Slide* dan Video Latihan Kebersihan Tangan, para peserta sepatutnya dapat menjawab soalan-soalan berikut.
- Pilih **satu** jawapan sahaja untuk setiap soalan.
- Sila baca soalan dengan teliti sebelum menjawab.

SOALAN 1:

Apakah cara yang **paling utama** kuman boleh merebak dari satu pesakit ke pesakit yang lain di kemudahan-kemudahan kesihatan?

- a. Melalui tangan para pekerja kesihatan yang tidak bersih.
- b. Melalui pendedahan udara di kemudahan-kemudahan kesihatan.
- c. Melalui pendedahan para pesakit kepada persekitaran yang tercemar (katil, kerusi, meja, lantai dan sebagainya)
- d. Melalui perkongsian alat-alat kesihatan seperti alat tekanan darah, *stethoscope* dan sebagainya, dengan pesakit lain.

Jawapan:

SOALAN 2:

Apakah **sumber kuman** yang paling kerap menjadi penyebab 'Jangkitan Kuman Berkaitan dengan Penjagaan Kesihatan'?

- a. Sistem air di kemudahan kesihatan
- b. Udara di kemudahan kesihatan
- c. Kuman yang sudah berada pada pesakit
- d. Persekitaran atau permukaan di kemudahan kesihatan

Jawapan:

SOALAN 3:

Antara tindakan kebersihan tangan berikut yang manakah yang boleh menghalang merebaknya kuman **kepada pesakit**?

- a. Sebelum menyentuh pesakit dan Selepas risiko pendedahan kepada cecair badan.
- b. Sebelum prosedur bersih/aseptik dan Selepas menyentuh persekitaran pesakit
- c. Sebelum menyentuh pesakit dan Sebelum prosedur bersih/aseptik
- d. Sebelum prosedur bersih/aseptik dan Selepas risiko pendedahan kepada cecair badan.

Jawapan:

SOALAN 4:

Antara tindakan kebersihan tangan berikut yang manakah yang boleh menghalang merebaknya kuman kepada **para pekerja kesihatan**?

- a. Sebelum prosedur bersih/aseptik dan Selepas risiko pendedahan kepada cecair badan.
- b. Selepas risiko pendedahan kepada cecair badan dan Selepas menyentuh persekitaran pesakit.
- c. Sebelum menyentuh pesakit dan Selepas menyentuh pesakit.
- d. Sebelum prosedur bersih/aseptik dan Selepas menyentuh pesakit.

Jawapan:

SOALAN 5:

Pilih pernyataan yang **BETUL** mengenai dengan Pembersihan Tangan dengan produk berasaskan alkohol dan Pembersihan Tangan dengan air dan sabun.

- a. Pembersihan Tangan menggunakan produk berasaskan alkohol lebih cepat dan berkesan dalam menghilangkan kuman dari Pembersihan Tangan menggunakan air dan sabun.
- b. Menggosok tangan dengan produk berasaskan alkohol disarankan dilakukan selepas penyucian tangan dengan air dan sabun.
- c. Gunakan produk berasaskan alkohol selepas merawat pesakit yang dalam keadaan cirit-birit
- d. Pembersihan Tangan dengan produk berasaskan alkohol boleh dilakukan di dalam apa jua situasi klinikal walaupun jika tangan kelihatan kotor.

Jawapan:

SOALAN 6:

Apakah **tempoh** paling minima bagi **Pembersihan Tangan menggunakan produk berasaskan alkohol**?

- a. 20 s
- b. 3 s
- c. 1 min
- d. 10 s

Jawapan:

SOALAN 7:

Apakah **tempoh** paling minima yang diperlukan untuk **Pembersihan Tangan dengan air dan sabun**?

- a. 10 s
- b. 20 s
- c. 30 s
- d. 40 s

Jawapan:

SOALAN 8:

Antara berikut yang manakah harus diamalkan untuk mengkurangkan risiko tangan dari dicemari oleh kuman yang boleh membahayakan?

- a. Pemakaian cincin
- b. Pemakaian kuku palsu
- c. Pemakaian krim pelembab dengan kerap
- d. Menyimpan kuku panjang

Jawapan: